

**Kabinet Lulus Penjenamaan Semula Kolej Kemahiran Tinggi Mara
Bernama
21 September, 2012
Daripada Mohd Hisham Abdul Rafar**

TOKYO, 21 Sept (Bernama) -- Kabinet pada Rabu lepas meluluskan penjenamaan semula Kolej Kemahiran Tinggi Mara di Beranang, Selangor sebagai Institut Perindustrian Mara-Jepun (MJII).

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal ketika mengumumkan perkara itu berkata ia satu inisiatif yang akan memberi manfaat kepada negara.

"Saya yakin penjenamaan semula ini dapat membantu kita untuk lebih fokus dalam meningkatkan kerjasama dengan kerajaan dan syarikat-syarikat Jepun, termasuk yang berada di Malaysia," katanya kepada wartawan Malaysia di sini Jumaat.

Mohd Shafie melakukan lawatan kerja lima hari ke Jepun mulai semalam.

Beliau berkata jumlah pelaburan antara Malaysia dan Jepun dalam bidang pendidikan dianggarkan berjumlah kira-kira RM880 juta.

Mohd Shafie menarik perhatian bahawa kira-kira 900 pelajar tajaan Mara kini melanjutkan pengajian mereka di Jepun di peringkat ijazah dalam bidang perindustrian.

Mereka ditempatkan di 15 universiti tersohor Jepun yang mempunyai hubungan kerjasama dengan Yayasan Pelajaran Mara (YPM).

Beliau turut mengunjungi Presiden Organisation for Industrial Spiritual and Cultural Advancement (OISCA) International Datuk Yoshiko Nakano, yang disusuli perbincangan dengan wakil universiti swasta dari seluruh Jepun di sebuah hotel di sini.

Antara perkara yang disentuh dalam kedua-dua perjumpaan itu ialah usaha membangunkan masyarakat luar bandar selain inisiatif menarik penyertaan universiti swasta untuk bekerjasama dengan YPM.

"Tadi saya bincang tentang industri fesyen. Kita sedar sektor ini mempunyai perolehan yang boleh menjangkau berbilion dolar. Tapi ini bergantung kepada dasar dan pendekatan negara kita," katanya.

Turut hadir Ketua Pengarah Mara Datuk Ibrahim Ahmad.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696323>